



TIMBALAN PENGARAH LATIHAN DAN PENYELIDIKAN (GRED RS2)

SEAMEO RECSAM kini sedang mencari calon yang dinamik dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan sebagai **Timbalan Pengarah Latihan dan Penyelidikan (Gred RS2)** berdasarkan kriteria berikut:

1. Kriteria Umum:

- 1.1 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Kementerian Pendidikan Malaysia dengan gred sekurang-kurangnya **DG12**.
- 1.2 Mempunyai **sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana** dalam bidang berkaitan Sains atau Matematik.
- 1.3 Memiliki ijazah pertama dalam **bidang Pendidikan Sains/Matematik**.
- 1.4 Mempunyai penguasaan cemerlang dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 1.5 Mempunyai sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun** pengalaman mengajar.
- 1.6 Mempunyai pengalaman dalam penyelidikan pendidikan dan latihan pembangunan profesional.
- 1.7 Pengetahuan mendalam dalam ICT merupakan satu kelebihan.

2. Tugas dan Tanggungjawab: Sila rujuk **Lampiran B**.

3. Elaun Bulanan:

- 3.1 Elaun Tetap Keraian : RM800.00
- 3.2 Elaun Tetap Perumahan : RM900.00
- 3.3 Elaun Imbuhan Sara Hidup : RM300.00
- 3.4 Pegawai yang dilantik juga akan menerima **insentif peminjaman** mengikut gred jawatan hakiki pegawai.

4. **Terma Pelantikan:**

Calon yang berjaya akan dilantik **secara peminjaman** selama tempoh **tiga (3) tahun** bagi mengisi jawatan Pegawai Gred RS2.

5. **Kaedah Permohonan:**

5.1 Pemohon yang berminat perlu mengemukakan permohonan melalui **Ketua Jabatan masing-masing** dengan melengkapkan borang permohonan, laporan rujukan, dan dokumen sokongan yang diperlukan. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak melalui Ketua Jabatan/Majikan tidak akan diproses.

5.2 Setiap permohonan MESTILAH disertai bersama salinan dokumen berikut yang telah DISAHKAN.

5.2.1 Kad Pengenalan

5.2.2 Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)

5.2.3 Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat).

5.3 Hanya pemohon yang **disenarai pendek** akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.

----- TERIMA KASIH -----